

31/08/2003

Dr Mahathir rumus formula kejayaan Malaysia

Abdul Halim Yusoff

KEMAKMURAN dinikmati rakyat Malaysia kini adalah sumbangan terbesar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Seorang yang budiman tidak akan menyanggah kenyataan ini. Daripada sebuah negara yang bergantung kepada sumber pertanian, Malaysia berkembang menjadi negara perindustrian dan perdagangan sementara mutu hidup rakyat berkembang ke peringkat yang tidak dapat dibayangkan sebelumnya. Ini terutamanya dapat diukur menerusi statistik pendapatan per kapita rakyat yang meningkat daripada RM3,681 pada 1980 kepada RM13,450 pada 2002.

Dr Mahathir yang akan bersara Oktober depan adalah Bapa Pemodenan Malaysia yang menyediakan sebuah negara makmur dan dikagumi dunia untuk diteruskan generasi akan datang. Menerusi pelbagai dasar diilhamkan beliau, rakyat Malaysia dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Pada tahun 1980-an lebih 60 peratus penduduk tinggal di luar bandar dan menjalankan kegiatan pertanian sara diri seperti bersawah dan berkebun. Angka itu merosot kepada 38 peratus pada tahun 2000 dan terus diunjurkan susut kepada 22 peratus menjelang 2010. Keadaan ini kesan pelbagai dasar yang dirangka Dr Mahathir termasuk Dasar Perindustrian mulai 1990-an yang menyaksikan peralihan sumber pendapatan rakyat kepada pekerjaan di sektor perindustrian seperti kilang, berniaga dan bekerja di sektor swasta.

Dr Mahathir mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada 1981, ketika kelembapan ekonomi dunia, masalah pelaburan dan perbelanjaan awam. Beliau melaksanakan langkah penyesuaian struktur yang membawa kepada pemulihan semula ekonomi terutama selepas 1986 apabila ekonomi negara kembali ke paras potensinya. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanyalah RM27.894 bilion pada 1981, tetapi pada tahun 2003, mengikut unjuran Kementerian Kewangan, KDNK negara berjumlah RM383.633 bilion. Yang penting mutu hidup dan kuasa beli rakyat kekal tinggi kerana inflasi kekal rendah iaitu 1.6 peratus pada 2003, (1.8 peratus : 2002) dan diunjurkan naik sedikit kepada 1.9 peratus pada 2004, berbanding 9.6 peratus pada 1981. Peningkatan besar KDNK pada tahun 1990an hingga sekarang dijana sebahagian besarnya daripada sektor pembuatan. Sektor pembuatan (perkilangan terutama elektronik) penyumbang utama KDNK pada 2002, iaitu 30.1 peratus dengan 82 peratus agihan dalam jumlah eksport dan 27.1 peratus dalam jumlah pekerja.

Sehubungan itu, apabila kita menganggap Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang membawa orang Melayu dan Bumiputera keluar daripada kemiskinan untuk setanding kaum lain, Dr Mahathir boleh dianggap wira bangsa dan negara terutama kerana membawa Bumiputera ke arah kemajuan dalam segala bidang merangkumi ekonomi, sosial dan ilmu pengetahuan. Dr Mahathir berjaya menjadikan Malaysia, contoh sebuah negara membangun. Cita-citanya untuk melihat Malaysia setaraf negara maju dari segi pembangunan dan kehidupan rakyat. Pelbagai dasar bagi merintis jalan ke arah negara maju berdasarkan Wawasan 2020, iaitu dasar untuk meletakkan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020.

Kejayaan Dr Mahathir meletakkan Malaysia di landasan perkembangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara sehingga kini disandarkan kepada pelbagai dasar yang beliau perkenalkan. Antaranya Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Pembangunan Negara dan Penswastaan. Bagi mencetuskan semangat bahawa rakyat Malaysia berkeupayaan menandingi bangsa lain, beliau memperkenalkan kempen 'pembesaran jiwa' menerusi slogan Malaysia Boleh! Slogan itu ternyata membawa satu semangat baru bagi seluruh rakyat dari pelbagai kaum untuk memajukan diri. Hasilnya, Malaysia berubah sepenuhnya daripada

sebuah negara bergantung kepada hasil pertanian kepada negara industri berteknologi tinggi dan kini sedang menjurus ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Pencapaian ekonomi negara dianggap antara terbaik di rantau ini dan dunia, lagi pula berikutan kejayaan beliau mengatasi dua kegawatan ekonomi sepanjang perkhidmatan beliau iaitu pada pertengahan 1984-85 dan krisis kedua dan terhebat, 1997-1998.

Kereta buatan Malaysia - Proton yang membawa kepada kemunculan vendor dan usahawan Bumiputera, pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), perkembangan industri berat dan lain-lain adalah bukti kejayaan keberkesanan dasarnya. Pelbagai mercu tanda kejayaan pembangunan dikagumi dunia seperti Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar F1 di Sepang, bukan setakat membuktikan Malaysia setaraf negara maju lain serta bagi menarik pelancong, tapi lebih penting pembinaan projek berkenaan sebenarnya strategi pengembangan ekonomi negara menerusi perbelanjaan kerajaan yang mengeluarkan pelbagai projek dalam negeri.

Dasar bermula sejak awal beliau mentadbir negara menerusi projek Daya Bumi umpamanya, adalah untuk mencergaskan ekonomi domestik, kerana ketika itu kelembapan ekonomi dunia menjejaskan permintaan luaran bagi komoditi negara. Strategi ini ternyata berjaya kerana sektor pembinaan memberikan kesan limpahan besar kepada ekonomi domestik.

Antara dasar awal dan penting diperkenalkan bagi mengubah persepsi dan strategi pembangunan negara adalah Dasar Pandang ke Timur yang diumumkan pada 8 Februari 1982 ketika Persidangan Tahunan Kelima MAJECA/JAMECA di Kuala Lumpur. Dasar ini bermakna pihak Kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh dan teladan terbaik daripada negara di Timur seperti Jepun dan Korea dan mengubahsuaikannya dengan keadaan di Malaysia.

Sebagai seorang yang mempunyai visi, Dr Mahathir percaya bahawa dengan sumbernya yang kaya, Malaysia boleh dijadikan ekonomi moden dan setanding negara lain. Ke arah itu beliau melancarkan Dasar Persyarikatan Malaysia dan Penswastan yang mana ia adalah antara ciri pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur. Dr Mahathir juga memberi tumpuan khusus kepada perkembangan industri berat dengan mewujudkan Dasar Perindustrian Negara bertujuan menjadikan sektor perkilangan sebagai pemangkin pertumbuhan perindustrian negara, menggalakkan penggunaan sepenuhnya sumber asli negara serta meninggikan tahap penyelidikan dan pembangunan serta memastikan teknologi tempatan sebagai asas bagi Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian.

Antara langkah diambil termasuk memajukan industri automotif tempatan melalui HICOM, pengeluaran besi waja melalui Perwaja dan lain-lain. Dengan usaha gigih Dr Mahathir, Malaysia berjaya menghasilkan kereta nasionalnya sendiri dinamakan Proton Saga pada 1985, yang menjadi kebanggaan rakyat serta membuka lembaran baru dalam bidang industri negara.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP-2) dari tahun 1991 hingga 2000 yang digubal berasaskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru ke arah menjadikan Malaysia negara maju. DPN dilancarkan Dr Mahathir pada 17 Jun 1991. Objektifnya menjadikan perpaduan negara kekal sebagai matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatu padu penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi berterusan. DPN menetapkan langkah permulaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran Kerajaan dan kecemerlangan ekonomi. Seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), DPN akan meneruskan usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di antara golongan kaya dengan miskin dan juga di kalangan kaum etnik. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang

dan pengagihan saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkukuhkan perpaduan negara.

Wawasan 2020 dirumus bagi mewujudkan Malaysia sebagai negara maju mengikut cara tersendiri dengan kemajuan sempurna yang tidak hanya diukur pada pencapaian lahiriah atau fizikal, malah meliputi pewujudan masyarakat sempurna dengan nilai moral dan etika tinggi dan boleh dicontohi negara lain. Wawasan 2020 bukanlah slogan untuk dilaungkan, tetapi lebih kepada rangka kerja tindakan setiap rakyat untuk mengambil langkah tertentu dalam memastikan Malaysia menjadi negara yang benar-benar maju dan makmur.

Antaranya dengan berusaha keras bagi memastikan kita dapat merekodkan pertumbuhan KDNK seperti disasarkan. Untuk mencapai sasaran itu, kerajaan menetapkan matlamat munasabah untuk menggandakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia setiap 10 tahun di antara 1990 dan 2020. Jika ini dapat dilakukan, KDNK kita akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang 2020 berbanding 1990. KDNK pada 1990 ialah RM115 bilion. KDNK pada 2020 patut menjadi kira-kira RM920 bilion dalam nilai sebenar (ringgit pada 1990).

Bapa Pembangunan Malaysia Moden ini bertanggung jawab memperbaiki taraf hidup dan martabat rakyat Malaysia di persada antarabangsa. Disebabkan ketegasan dan pandangan jauhnya, Malaysia menjadi seperti sekarang. Persaraan beliau tidak bermakna berakhirnya kemakmuran dan kegemilangan Malaysia, sebaliknya menjadi cabaran dan tanggungjawab semua untuk mempertahankan apa yang sudah dirintisnya selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia.